

ELIN (enam dari kiri), Rosazman (tujuh dari kiri), Ayesah (lima dari kiri), dan Abd Naddin (tiga dari kanan) bersama mahasiswa UMS.

## Dr Elin Anisha penuh undangan Kuliah UPEP ketiga


UB 19.4.2018 B2

KOTA KINABALU: Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan (UPEP) Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) mengadakan Kuliah UPEP Siri ke-3 di Bilik Mesyuarat Utama fakulti itu pada Selasa.

UPEP siri ketiga mendatangkan tamu undangan dari Universiti Mindanao State iaitu Dr Elin Anisha Guro, Naib Cancellor untuk Penyelidikan MSU yang juga Pengarah Media dan Penerangan.

Program itu dianjurkan bersama oleh UPEP dan Program Pengajian Antarabangsa FKSW UMS.

Dalam ceramahnya, Elin menceritakan mengenai tragedi di Marawi City dan kempen 'Balik MSU' atau 'Somombak Tano Sa Pantawa Mareg', satu kempen melalui media sosial untuk mengajak mahasiswa-mahasiswi universiti itu kembali ke bilik kuliah selepas peristiwa menyakitkan yang berlaku di bandaraya Islam itu, yang mengalami kemusnahan akibat pertempuran antara Kumpulan Maute dan



BAJU T kempen 'Balik MSU, Somombak Tano Sa Pantaw A Mareg' diperlihatkan sebagai tanda sokongan.

Tentera Kerajaan Filipina tahun lalu.

Elin yang ketika itu sedang berada di Universiti Melbourne Australia untuk menyelesaikan pengajian PhD melancarkan kempen Balik MSU dengan mencetak baju T dan mendapat sambutan daripada alumni MSU dan simpati dari

seluruh dunia.

Kempen yang diadakan menggunakan media sosial itu mendorong orang ramai untuk menyokong dan menggalakkan mahasiswa-mahasiswa kembali meneruskan pengajian bukan saja untuk masa depan mereka malah demi masa depan Mindanao.

Turut hadir dalam Kuliah UPEP siri ketiga itu ialah Prof Rosazman Hussin, penyelaras Dr Ayesah Uy Abu Bakar dan Wan Shawaluddin Wan Hassan serta pelajar-pelajar program pengajian antarabangsa UMS dan wartawan kanan *Utusan Borneo* Abd.Naddin Haji Shaidin.